

TARIKH	24 / 6 / 2015	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	5	RUANGAN	

TH tanggung subsidi bakal haji RM150j

» Kos sebenar RM17,270 berbanding RM9,920 dibayar setiap jemaah



Fazli
Abdullah

fazliabddullah@bh.com.my

Makkah, Arab Saudi

Embaga Tabung Haji (TH) menanggung subsidi tambahan RM30 juta bagi penghantaran 22,320 bakal haji tahun ini, berikutan kenaikan kos, terutama penginapan.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan subsidi yang ditanggung TH untuk penghantaran

bakal haji tahun ini kepada RM150 juta.

Kos penginapan tinggi

Kos sebenar menuaikan haji ialah RM17,270 seorang, tetapi bakal haji hanya membayar RM9,920, manakala selebihnya RM7,290 ditanggung TH.

Timbalan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Johan Abdullah, berkata jumlah subsidi haji tahun ini meningkat RM30 juta, berbanding RM120 juta pada tahun lalu.

Katanya, kira-kira 40 peratus daripada kos sebenar untuk menuaikan haji adalah untuk penginapan, di sini dan Madinah.

Kos lain, termasuk tiket kapal terbang, makanan, pengangkutan dan bayaran kepada ejen di negara ini.

"(Subsidi) Ini adalah tanggungjawab sosial korporat

(CSR) yang memerlukan dana yang besar pada setiap tahun," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus Besar Kanan (Haji) TH, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman dan Pengurus Besar Kanan (Kewangan Korporat & Perkhidmatan) TH, Ruzina Md Arif.

Tinjau peluang pelaburan

Johan berkata, bagi menampung subsidi haji yang dijangka terus meningkat, TH sedang meninjau peluang pelaburan baharu di Arab Saudi.

Beliau berkata, salah satu kaedah menjana pendapatan tambahan ialah menceburti sektor hartanah di Arab Saudi yang mempunyai potensi besar.

Katanya, pihaknya sudah berbincang dengan sebuah syarikat pemaju harta tanah



Johan Abdullah

Arab Saudi mengenai bentuk kerjasama yang boleh dijalin antara kedua-dua pihak.

"Syarikat itu menunjukkan reaksi positif, malah mereka sememangnya tahu TH mempunyai jenama yang kukuh.

"Kita akan terus mencari peluang pelaburan sebegini bagi menjana pulangan dan pendapatan," katanya.

Johan berkata, TH juga sudah berbincang dengan Hotel Al-Aqiq di Madinah berhubung penyediaan juadah Malaysia dalam sebuah restoran di premises itu.

Katanya, pengurusan hotel itu menyatakan persetujuan untuk mengambil tukang masak rakyat Malaysia bekerja di restoran berkenaan.